



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN SEBUTHARGA : **KSSUP/JKSH/BTI/02/2023-2024**
TAJUK SEBUTHARGA : **THE SUPPLY AND DELIVERY OF DESKTOP PC FOR MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**
TARIKH TUTUP SEBUTHARGA : **16 NOVEMBER 2023, HARI KHAMIS, JAM 2:00 PETANG**

Syarat-syarat mengikuti sebutharga adalah seperti berikut :-

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang sah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Yuran Dokumen sebutharga akan dikenakan sebanyak **B\$5.00** (tidak dikembalikan) bagi setiap sebutharga. Pembayaran bolehlah dibuat Unit Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, pada waktu berkerja:

Hari Isnin hingga Khamis : **8:30 pagi - 11:00 pagi**
: **1:30 petang – 3 :00 petang**
Hari Sabtu : : **8:30 pagi – 10:30 pagi**

3. Dokumen-dokumen dan borang-borang sebutharga serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Bahagian Teknologi dan Info-Komunikasi, Tingkat 1, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**
4. Setiap Syarikat adalah dikehendaki untuk menyertakan dan menghadapkan **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN AKTA NAMA-NAMA PERNIAGAAN 16 & 17** (Business Enactment Section 16 & 17).
5. Borang sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul **SURAT** yang bertutup rapi (sealed envelope) dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis **BILANGAN SEBUTHARGA, TAJUK SEBUTHARGA DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau tanda identiti Pemborong atau Syarikat. Hanya Borang **ASAL** akan diterima untuk mengikuti sebutharga ini.

6. Semua sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** yang terletak di **Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar** dan hendaklah dialamatkan kepada :-

**PENGERUSI,
JAWATANKUASA SEBUTHARGA,
TINGKAT BAWAH,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN,
JALAN MENTERI BESAR BB3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

7. KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang lebih murah atau difikirkan tidak munasabah.
8. Borang sebutharga yang tidak lengkap, tidak betul, tidak jelas diisikan dan tidak mematuhi Syarat-Syarat sebutharga adalah dianggap rosak dan tidak akan dipertimbangkan.
9. Borang sebutharga hendaklah ditulis dengan **JELAS** dan **CERMAT** dengan menggunakan dakwat berwarna **BIRU** sahaja (bukan dengan pensil atau bahan yang mudah dipadam). Sebarang perubahan dengan menggunakan "**Blanco**" atau tulisan berulang-ulang / bertindih adalah tidak dibenarkan.
10. Setiap Borang Sebutharga hanya **SAH** digunakan bagi hanya **1 (SATU) HARGA TAWARAN / OFFER SAHAJA**.
11. Syarikat/Pembekal yang berjaya adalah dikehendaki untuk memastikan barang-barang yang dibekalkan adalah baru dan dalam keadaan yang sempurna.
12. Kementerian ini berhak untuk tidak menerima mana – mana barang yang tidak memenuhi kehendak Kementerian ini, seperti yang dinyatakan di dalam dokumen ini.
13. Syarikat/Pembekal yang berjaya dan dilantik hendaklah mematuhi semua syarat – syarat yang dinyatakan disepanjang tempoh lantikan tersebut. Kegagalan dalam mematuhi akan menyebabkan tindakan akan diambil kepada Syarikat/Pembekal selaras dengan Peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa pada masa ini.
14. Kementerian ini tidak akan teragak – agak untuk mengambil tindakan undang – undang jika didapati pihak Syarikat/Pembekal dengan sengaja mengelirukan (*mislead*) Kementerian ini sehingga mendatangkan kerugian kepada Kerajaan.
15. Borang Sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan waktu / masa yang telah ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**